

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 FEBRUARI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6

'195 robot setiap 10,000 pekerja'

'195 robot setiap 10,000 pekerja'

NRR usaha perkasakan teknologi robotik negara menjelang tahun 2030

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Kerajaan akan membangunkan Pelan Hala Tuju Robotik Negara (NRR) dengan menyasarkan 195 unit robot bagi setiap 10,000 pekerja di Malaysia pada tahun 2030.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, inisiatif itu merupakan salah satu agenda yang dipersetujui bersama dalam mesyuarat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (MED4IRN) pada Khamis.

Menurutnya, NRR berfungsi ke arah mengarusperdanakan penggunaan teknologi robotik di negara ini.

"Pelan ini mampu meningkatkan produktiviti dan me-

ngurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing seterusnya meminimumkan pengaliran mata wang ke luar negara.

"Kepadatan robot di Malaysia bagi setiap 10,000 pekerja pada tahun 2019 adalah 55 unit dan sasarannya adalah 195 unit bagi setiap 10,000 pekerja pada tahun 2030," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau sebelum itu mempengerusikan MED4IRN pertama bagi tahun 2022 yang turut dihadiri oleh Menteri-Menteri serta Ketua Jabatan dan Agensi yang terlibat secara dalam talian.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat sama juga memutuskan untuk menyokong konsep Projek Pemangkin bagi memacu Aspirasi MyDIGITAL.

Kata Perdana Menteri, mesyuarat bersetuju menubuhkan Pasukan Petugas Projek Pemangkin MyDIGITAL untuk memilih projek yang sesuai dan memantau pelaksanaan yang me-



ISMAIL SABRI

rupakan kerjasama antara sektor awam dan swasta.

"Projek Pemangkin akan di-biayai sektor swasta dan kerajaan bakal memainkan peranan sebagai pemudahcara.

"Antara contoh projek pemangkin adalah perubahan pintar menyasarkan penubuhan hospital menggunakan teknologi 5G bagi meningkatkan taraf penjagaan kesihatan rakyat.

"Selain itu, projek Bandar Pintar menyasarkan pelbagai kes kegunaan (*use cases*) berguna bagi memastikan kelestarian kehidupan lebih bermakna," katanya.

Jelas Ismail Sabri, melalui Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela), sebanyak 1.89 juta premis baharu yang diliputi dengan capaian gantian optik dan sebanyak 1,189 menara 4G baharu telah dibina dari September 2020 sehingga Disember 2021.

"Di bawah Fasa 1, sebanyak 6.85 juta premis diliputi dengan



NRR mampu meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh kelak.

capaian gantian optik dan liputan 4G di kawasan berpenduduk mencatatkan 95 peratus setakat 31 Disember 2021.

"Digital Nasional Berhad (DNB) juga memulakan akses kepada rangkaian borong 5G di mana sebanyak 500 tapak telah diaktifkan setakat 31 Disember 2021 di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Cyberjaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"DNB juga menyasarkan

3,500 tapak (bersamaan 36 peratus liputan di kawasan berpenduduk) pada penghujung tahun 2022," katanya.

Menurut beliau lagi, melalui program Pemerksaan Pendigitalan Usahawan Kecil (PUPUK) pula, sebanyak 883 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) sedang beroperasi, manakala 28 lagi akan beroperasi menjelang 31 Mac nanti di seluruh Malaysia.